

17/08/1998

Pengunjung bertuah Ekspo Papita-MPSJ '98

SEORANG pengunjung bertuah Ekspo Papita-MPSJ '98, memenangi hadiah kereta Proton Saga 1.3L, yang bernilai kira-kira RM30,000 selepas dia berjaya menggores dengan tepat borang peraduan sempena ekspo itu.

Teoh Lee Lee, 30, dari Subang Jaya, Selangor, menang mudah dengan menggores borang khas belian di ekspo itu yang mempunyai bendera Jalur Gemilang pada hari pertama selepas perasmian ekspo berkenaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lalu.

Hadiah yang diterima Teoh adalah satu daripada tiga kereta yang sama jenis sumbangan syarikat K H Chia bagi memeriahkan ekspo berkenaan. Hadiah lain ialah tiga motorsikal Kriss, lima televisyen warna 21 inci dan dua peti sejuk.

(END)